# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1

TARIKH KEMAS KINI: 17 SEPTEMBER 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Kawasan Terlibat | **KEDAH DAN JOHOR**<br><br>***Bagi kawasan yang dikuatkuasakan PKPD, SOP PKPD di kawasan berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.** |
| 2. Tempoh Kuat Kuasa | **Bermula pada 20 Ogos 2021 (mulai 12.01 pagi)** |
| 3. Vaksinasi Lengkap | Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:<br><br>i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau<br><br>ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan. |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1

TARIKH KEMAS KINI: 17 SEPTEMBER 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 4. Protokol Kesihatan Umum | • Pemegang lesen dan pemilik premis **diwajibkan** menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.<br>• *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.<br>• Penggunaan aplikasi MySejahtera **diwajibkan** di kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan *check in* premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.<br>• Majikan, pekerja, pelanggan dan pengunjung **diwajibkan** *check in* MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon yang boleh dibaca (sekiranya tiada liputan internet) sebelum memasuki premis termasuk di pejabat Kerajaan, swasta dan persendirian.<br>• Bagi kompleks membeli belah, pasar raya atau *departmental store*, pelanggan hanya perlu menjalankan imbasan suhu badan sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.<br>• Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah tidak dibenarkan memasuki kompleks dan premis.<br>• Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu memastikan hanya pelanggan dengan status "*Low Risk*" termasuk "*Casual Contact Low Risk*" dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing.<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 4. Protokol Kesihatan Umum | • Kanak-kanak berumur 17 tahun dan ke bawah **tidak digalakkan** untuk berada di tempat dan kemudahan awam.<br>• Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dalam sesuatu masa.<br>• Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa. Penggunaan sistem nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.<br>• Semua pemilik bangunan perlu menyediakan Kod QR di setiap aras.<br>• Pekerja, pembekal dan pelanggan **diwajibkan** memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.<br>• Memastikan **VENTILASI DAN SISTEM PENGUDARAAN** yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).<br>• **Diwajibkan** memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak **kecuali** bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:<br><br>a) Bilik hotel atau penginapan berbayar bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah.<br>b) Ruang kerja bersendirian.<br>c) Aktiviti sukan dan rekreasi.<br>d) Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah.<br>e) Kawasan dan tempat awam *indoor* atau *outdoor* tanpa ada individu lain.<br>f) Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain (selain di restoran atau premis makanan). |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

## KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 5. Rentas Daerah dan Negeri bagi Pasangan Suami Isteri Jarak Jauh (PJJ) | • Pasangan suami isteri jarak jauh **dibenarkan** untuk merentas daerah dan negeri bagi tujuan berjumpa pasangan masing-masing dengan syarat kedua-duanya mesti telah lengkap divaksin dengan pengesahan PDRM dan mengemukakan;<br>➢ Salinan kad pengenalan suami dan isteri<br>➢ Salinan sijil/ kad pernikahan<br>➢ Salinan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 suami dan isteri<br>➢ Salinan dokumen bukti tempat tinggal suami/ isteri atau surat pengesahan majikan<br>• Menunjukkan surat kebenaran yang telah diluluskan oleh PDRM apabila melalui Sekatan Jalan Raya (SJR). |
| 6. Rentas Daerah dan Negeri bagi Ibu Bapa/ Penjaga yang Mempunyai Anak (Di Bawah 18 Tahun) Jarak Jauh (AJJ) | • Ibu bapa/ penjaga yang mempunyai anak di bawah umur 18 tahun serta menetap di daerah atau negeri berlainan **dibenarkan** merentas daerah dan negeri untuk berjumpa anak masing-masing dengan syarat kedua-dua ibu bapa / penjaga mesti telah lengkap divaksin dengan pengesahan PDRM dan mengemukakan;<br>➢ Salinan kad pengenalan ibu, bapa dan sijil/ dokumen kelahiran anak<br>➢ Salinan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 ibu dan bapa / penjaga<br>➢ Maklumat persekolahan anak (sekiranya berkaitan)<br>• Menunjukkan surat kebenaran yang telah diluluskan oleh PDRM apabila melalui Sekatan Jalan Raya (SJR). |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

### KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 7. Warganegara dan Bukan Warganegara yang Pulang/ Tiba dari Luar Negara | • Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai kediaman di Malaysia (termasuk PR dan Malaysia MY Second Home) yang pulang atau tiba dari luar negara dan telah lengkap divaksin, **dibenarkan** menjalani kuarantin wajib di rumah dan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) digital tertakluk kepada **penilaian risiko** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan perincian yang dikeluarkan oleh KKM.<br>➢ Menunjukkan bukti laporan ujian RT PCR dengan keputusan negatif yang dijalankan 3 hari sebelum berlepas.<br>➢ Mempunyai sijil sah vaksinasi COVID-19 dos lengkap (bergantung kepada jenis vaksin).<br>➢ Tiada gejala semasa saringan kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa Negara (PMA).<br>➢ Mempunyai tempat kediaman yang sesuai untuk dijalankan kuarantin.<br>• Individu yang pulang / tiba dari luar negara dan belum lengkap divaksin atau tidak divaksin perlu menjalani kuarantin di pusat kuarantin yang ditetapkan serta tertakluk kepada perincian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).<br>• Tempoh kuarantin wajib bagi pengembara dari semua negara adalah 14 hari dan boleh dilanjutkan selama 7 hari lagi sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil penilaian risiko yang dijalankan pada hari ke-14.<br>• Pengembara dikehendaki membuat penilaian kendiri setiap hari melalui Home Assessment Tool (HAT) dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga tamat tempoh kuarantin (sama ada 14 hari atau 21 hari dari tarikh ketibaan).<br>• Pengembara dikehendaki menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 iaitu ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di PMA. Ujian ulangan saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19, RT-PCR COVID-19 dilakukan pada hari ke 10 atau hari ke 18 (bagi pengembara yang perlu menjalani kuarantin selama 21 hari). |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1

TARIKH KEMAS KINI: 17 SEPTEMBER 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

### KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 8. Keagamaan | • Aktiviti solat di masjid dan surau bagi individu yang telah divaksin lengkap **dibenarkan** tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.<br>• Aktiviti sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) bagi individu yang telah divaksin lengkap **dibenarkan** tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Kementerian Perpaduan Negara. |
| 9. Sektor Pembuatan dan Pembinaan | • Bagi aktiviti yang **tidak disenaraikan** dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja **dibenarkan beroperasi** seperti berikut:<br>(a) 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja<br>(b) 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja<br>(c) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja<br>• Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan. |
| 10. Perlombongan dan Pengkuarian | • Bagi sektor perlombongan dan pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja **dibenarkan beroperasi** seperti berikut:<br>(a) Kurang 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja<br>(b) 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja<br>(c) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja<br>• Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 11. Sektor Perdagangan dan Pengedaran | Pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.<br><br>1. Kedai cuci kenderaan<br>2. Kedai elektrik dan elektronik<br>3. Kedai barangan rumah dan peralatan dapur<br>4. Kedai perabot<br>5. Kedai peralatan sukan<br>6. Kedai aksesori kenderaan<br>7. Pusat pengedaran dan jualan kenderaan<br>8. Kedai pakaian, fesyen dan aksesori<br>9. Kedai barang kemas<br>10. Kedai gunting rambut dan pusat/ salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)<br>11. Kedai bunga/ *nursery*<br>12. Kedai peralatan *outdoor*<br>13. Galeri perumahan *(show room)*<br>14. Kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi<br>15. Kedai barangan terpakai<br>16. Kedai kraftangan dan cenderahati<br>17. Kedai antik<br>18. Kedai alat permainan<br>19. Kedai permaidani<br>20. Kedai kandungan kreatif/ peralatan industri kreatif<br>21. Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi<br>22. Kedai tembakau (termasuk vape / rokok elektronik) |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

### KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 11. Sektor Perdagangan dan Pengedaran | • Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin **memasuki premis MESTI** menunjukkan **Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.<br>• Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap **dibenarkan** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. |
| *12. Dine-in* | • Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk **dibenarkan** menyediakan perkhidmatan *dine-in* dengan mematuhi syarat berikut:<br>➢ Hanya menerima pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala<br>➢ Pemilik premis perniagaan MESTI memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis.<br>➢ Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut:<br>(a) 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja.<br>(b) 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja.<br>(c) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja.<br>➢ Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan *(ventilation)* yang baik.<br>➢ Aktiviti *dine-in* dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 1 - Perdagangan Pengedaran.<br><br>• Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap **dibenarkan** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP | |
|---|---|
| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
| 13. Pasar Pagi, Pasar Tani, Pasar Malam dan Pasar Minggu | • Pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.<br>• Pasar pagi, pasar tani, pasar malam dan pasar minggu **dibenarkan** beroperasi dengan memastikan pelanggan yang ingin memasuki kawasan pasar pagi, pasar tani, pasar malam dan pasar minggu **MESTI** menunjukkan **Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. |
| 14. Perkelahan dan Perkhemahan | • Aktiviti perkelahan dan perkhemahan adalah dibenarkan dalam daerah yang sama.<br>• Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap **dibenarkan** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| **KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP** | |
|---|---|
| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
| 15. Sukan dan Riadah | • Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berpasukan di kawasan **TERBUKA (*OUTDOOR*)** atau **TERTUTUP (*INDOOR*) KECUALI di gimnasium/ pusat kecergasan termasuk studio kecergasan tertutup (*indoor*)** adalah **TERHAD** bagi individu yang telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** sahaja bermula jam **6.00 pagi hingga 8.00 malam** tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.<br>• Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi **TERBUKA *(OUTDOOR)*** dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi **DENGAN** kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi **60% tenaga kerja** merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** sahaja. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat.<br>• Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi **TERTUTUP (*INDOOR*) KECUALI gimnasium/ pusat kecergasan termasuk studio kecergasan tertutup** dengan pematuhan kepada **50% kapasiti** penggunaan/ kawasan **DENGAN** kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi **60% tenaga kerja** merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** sahaja. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP | |
|---|---|
| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
| 15. Sukan dan Riadah | • Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi **TERBUKA *(OUTDOOR)*** dan **TERTUTUP (*INDOOR*)** awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pihak Berkuasa yang berkaitan.<br>• Program Latihan Khas Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) dan pasukan di bawah Malaysian Football League (MFL) termasuk penggunaan semua fasiliti sukan dan rekreasi **TERBUKA (*OUTDOOR*)** dan **TERTUTUP (*INDOOR*).**<br>• Aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi secara berpasukan **TERHAD** bagi individu telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** yang dilakukan secara terkawal **DENGAN** kawalan penyeliaan adalah tertakluk kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan atau tidak melebihi 50 orang dalam satu-satu masa termasuk jurulatih/ instruktur/ ibu bapa (mana-mana yang lebih rendah). Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap juga dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti atau latihan tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat. |
| 16. Perikanan Rekreasi | • Aktiviti perikanan rekreasi termasuk di kolam memancing **dibenarkan** bagi individu yang telah lengkap divaksin dari 6.00 pagi hingga 8.00 malam di daerah yang sama. |

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 17. Industri Kreatif dan Aktiviti Hiburan | • Semua penggiat industri kreatif yang telah lengkap divaksin dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:<br>➢ Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung.<br>➢ Penyiaran secara rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan dengan kehadiran penonton yang telah lengkap vaksin dengan kapasiti penonton 30% di ruang studio.<br>➢ Penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio.<br>➢ Busking.<br>➢ Persembahan di *lounge* hotel kepada pelanggan yang telah lengkap vaksin.<br>➢ Aktiviti persembahan langsung seperti seni teater, muzikal, muzik dan komedi (secara pra-daftar) dengan penonton yang telah lengkap vaksin serta kapasiti penonton 30% di ruang premis.<br>➢ Aktiviti panggung wayang dibenarkan dengan syarat pekerja dan penonton telah lengkap divaksin dengan kapasiti 50% ruang dewan tayangan pawagam. |
| 18. Aktiviti Pelancongan | • Kunjungan secara janji temu bagi pengunjung yang telah lengkap divaksin ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat/ Kampung Seni Warisan Budaya pentas persembahan budaya **dibenarkan** dengan kapasiti 30% di ruang premis.<br>• Gelembung pelancongan di Pulau Langkawi **dibenarkan** kepada pelancong yang telah lengkap vaksin dengan mematuhi SOP Gelembung Pelancongan Domestik Pulau Langkawi. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

### KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 19. Kapal Persiaran | • Kapal Persiaran **dibenarkan** dengan 50% kapasiti kapal dengan syarat semua anak kapal dan penumpang telah lengkap divaksin.<br>• Aktiviti pub dan kelab malam **tidak dibenarkan.** |
| 20.Latihan Pemanduan | • Institut Memandu **dibenarkan** beroperasi dengan syarat pekerja, tenaga pengajar dan calon telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian.<br>• Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut:<br>(a) 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja.<br>(b) 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja.<br>(c) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 21. Kawalan Pergerakan | • Rentas daerah (berdasarkan sempadan daerah ditetapkan Kerajaan Negeri) dan negeri **tidak dibenarkan** kecuali pasangan jarak jauh, anak jarak jauh dan individu yang telah diluluskan pergerakan oleh KKM dan PDRM.<br>• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA. Laluan keluar masuk kawasan PPN ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan bagi individu yang telah lengkap divaksin **dibenarkan** berdasarkan jumlah kapasiti kenderaan.<br>• Manakala, bagi yang belum mendapat vaksin lengkap:<br>➢ Hanya **dua (2) orang** sahaja wakil isi rumah **dibenarkan** keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas.<br>➢ Maksimum **tiga (3) orang** sahaja termasuk pesakit **dibenarkan** keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, ujian saringan, program vaksinasi, keselamatan atau kecemasan.<br>• Bilangan penumpang dalam teksi dan *e-hailing* dihadkan kepada **dua (2) orang** sahaja termasuk pemandu, penumpang mesti duduk di belakang.<br>• Bilangan orang yang **dibenarkan** di dalam kenderaan membawa barangan serta rantaian aktiviti ekonomi atau industri (kecuali pengangkutan pekerja) bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan.<br>• Bilangan orang yang **dibenarkan** di dalam Kenderaan Jabatan atau Kereta Rasmi Jawatan adalah berdasarkan kapasiti kenderaan.<br>• Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **dibenarkan** beroperasi 24 jam. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuat Kuasa | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan | Bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 21. Kawalan Pergerakan | • Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan *non-essential* di kilang - kilang terhad kepada penghantaran dan penerimaan barangan atau kargo dalam simpanan stok (*stockpile*) sedia ada dengan tujuan import dan eksport sahaja dengan jumlah pekerja yang terhad.<br>• Aktiviti pemunggahan melibatkan barangan *essential* tidak tertakluk kepada sekatan ini dan berjalan seperti biasa.<br>• Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti pengangkutan pekerja, bas henti-henti, bas ekspres, LRT, MRT, ERL, Monorel, feri dan lain-lain pengangkutan awam **dibenarkan** beroperasi berdasarkan 50% kapasiti kenderaan (waktu operasi dan frekuensi tertakluk kepada Kementerian Pengangkutan).<br>• Pergerakan bagi kes kematian dan bencana alam **dibenarkan** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Pergerakan bantuan bencana atau kemanusiaan oleh NGO perlu mendapatkan kebenaran dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di kawasan yang terjejas dengan bencana dan bantuan tersebut disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di kawasan tersebut.<br>• Pergerakan merentas daerah dan negeri bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di luar daerah atau negeri tempat tinggal **dibenarkan** dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS.<br>• Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri **dibenarkan** merentas daerah dan negeri untuk melawat kawasan masing-masing tanpa melaksanakan sebarang majlis.<br>• Pergerakan bagi Pelawat Perniagaan Jangka Pendek di bawah kelulusan *Inisiatif One Stop Centre (OSC)* untuk tujuan rasmi atau perniagaan **dibenarkan** setelah mendapat kebenaran PDRM. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan.
- Membeli atau mendapatkan barang keperluan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan.

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Pergerakan rentas daerah dalam kawasan PPN dan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PPN tanpa kebenaran PDRM.
- Sila rujuk Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Tertakluk kepada laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuat Kuasa** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan** | **Bersyarat** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Aktiviti | Penerangan Ringkas |
|---|---|
